



MGB Dapat Kontrak Pembinaan RM186 Juta daripada CI Medini Sdn Bhd

SELANGOR, – MGB Berhad, anak syarikat kepada LBS Bina Group Berhad, melalui anak syarikat milik penuhnya, MGB Construction & Engineering Sdn Bhd, telah dianugerahkan kontrak pembinaan bernilai RM186 juta daripada syarikat Jepun CI Medini Sdn Bhd , untuk pembangunan pangaspuri perkhidmatan di Medini, Iskandar Puteri, Johor .

CI Medini Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat berkaitan dengan Creed Group, firma harta tanah dari Jepun yang pakar dalam pelaburan utama dan pengurusan harta tanah.

Projek ini dijangka bermula pada 1 September 2025 , melibatkan pembinaan podium tempat letak kereta setinggi tujuh tujuh tingkat, pondok pengawal, aras kemudahan, serta dua menara yang terdiri daripada Menara A setinggi 32 tingkat 405 unit dan Menara B setinggi 31 tingkat 397 unit.

Kontrak baharu ini meningkatkan buku pesanan pembinaan sedia ada MGB setakat 31 Julai 2025 , daripada RM1.07 bilion kepada kira-kira RM1.21 bilion. Projek ini turut mengukuhkan portfolio MGB di Johor, yang mempunyai dua projek di selatan tanahair , iaitu Pangaspuri Saujana Indah di Molek yang sedang dalam pembinaan serta projek Laman Bayu yang telah siap di Batu Pahat.

Tan Sri Dato' Sri Ir Dr Lim Hock San, Pengurus Eksekutif Kumpulan MGB Berhad, berkata:

“Kami berbesar hati diberi kepercayaan untuk melaksanakan projek ini. Penganugerahan ini merupakan satu pencapaian penting bagi MGB khususnya dalam pembangunan di bahagia Selatan. Medini ialah kawasan yang pesat membangun dengan potensi besar, dan kami bertekad untuk menyiapkan projek ini serta menyumbang kepada pertumbuhan kawasan.”

Penganugerahan ini menambah projek pembinaan MGB dan mengukuhkan komitmen syarikat untuk membina rumah berkualiti yang meningkatkan kualiti hidup, membentuk komuniti, serta memberi nilai jangka panjang kepada semua pihak berkepentingan.

MGB akan terus menunjukkan ketahanan dan daya saing, sekali gus meningkatkan keyakinan pasaran serta mengembangkan operasi ke kawasan strategik , dan pada masa yang sama akan memperkuuh kerjasama dengan pemaju bereputasi tinggi dan menguatkan kedudukan untuk peluang pertumbuhan pada masa hadapan, di Johor dan seluruh negara.

-Tamat-

Mengenai MGB Berhad

Ditubuhkan pada tahun 2007, MGB Berhad (“MGB”) telah berkembang menjadi penyedia penyelesaian pembinaan dan pembangunan harta tanah serta pembuatan konkrit pratuang, dengan fokus utama dalam menyediakan penyelesaian yang cekap dan kos efektif merentasi pelbagai industri, terutamanya dalam pembangunan perumahan mampu milik di Malaysia.

Menerusi anak-anak syarikatnya, MGB menyediakan pelbagai perkhidmatan reka bentuk, pembinaan dan pembangunan termasuk reka bentuk dan bina, pengurusan projek, kejuruteraan awam, kejuruteraan nilai, kepakaran geoteknik, serta pembuatan produk konkrit pratuang Sistem Binaan Berindustri (IBS).

MGB juga memiliki Kertih Terengganu Industrial Park (“KTIP”), tanah perindustrian utama seluas kira-kira 1,007 ekar yang terletak secara strategik di negeri pantai timur Terengganu dengan kemudahan infrastruktur yang baik di sekitarnya. Selain itu , MGB juga membekal dan memasang elemen pratuang untuk projek Al Arous di Jeddah , Arab Saudi

MGB mempunyai rekod pencapaian kukuh dengan pengalaman lebih 18 tahun dalam reka bentuk dan bina, serta pembinaan umum bagi bangunan kediaman, komersial dan industri serta kerja-kerja infrastruktur. MGB telah berjaya menyiapkan lebih daripada 32,000 unit harta tanah, khususnya dalam segmen perumahan mampu milik. Selain itu, MGB juga telah menyiapkan lebih daripada 12,000 kediaman menggunakan teknologi IBS Pratuang mereka.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mgbgroup.com.my.